

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

SESI *POCKET TALK* YB MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA BERSAMA INDUSTRI FRANCAIS DI SARAWAK

KUCHING, 3 JULAI 2020 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA) menganjurkan Sesi *Pocket Talk* dan *Walkabout* YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama industri francais di Sarawak sebagai salah satu jelajah pembangunan domestik francais Malaysia.

Dalam sesi yang berlangsung secara santai ini, YB. Datuk Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berinteraksi dengan beberapa syarikat francais dan komuniti perniagaan di Sarawak secara santai untuk mendengar, memahami dan membincangkan cabaran serta isu-isu industri francais, secara khusus bagi negeri Sarawak.

Selain membincangkan isu-isu setempat, YB Menteri turut menggesa pihak industri francais untuk menyediakan pakej francais yang lebih mampu milik agar industri ini dapat berkembang dengan lebih menyeluruh.

Beliau turut menjemput industri francais untuk bersama menyokong Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang dianjurkan sepanjang bulan Julai hingga Disember 2020.

YB Menteri turut menyentuh akan perihal kurangnya penglibatan usahawan anak Sarawak yang membawa imej produk Sarawak dalam industri francais. Beliau berharap Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dapat membantu perniagaan anak Sarawak yang berpotensi untuk ditransformasikan kepada sistem francais.

Kerjasama syarikat francais yang berpengalaman juga dialu-alukan untuk menjadi mentor kepada syarikat baharu yang akan dibangunkan demi meningkatkan ekonomi negara.

#####

Bahagian Pembangunan Francais Dan Jualan Langsung
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
(KPDNHEP)
3 Julai 2020

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

